



2023

K O S K I T A R A N
HAYAT
VERSI 2.0

GARIS PANDUAN
JKR 29300-0101-23

GARIS PANDUAN **KOS KITARAN HAYAT** **VERSI 2.0**

Life Cycle Costing (LCC) Guideline Version 2.0



BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET

CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

TEL : 03 - 2610 7501 FAKS : 03 - 2692 6511

TAHUN 2023

CETAKAN PERTAMA NOVEMBER 2024

BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada **Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia** terlebih dahulu.

SEBUAH TERBITAN



**CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

BUTIRAN PEJABAT PENGELUAR:

PENGARAH KANAN

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
Tingkat 5, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Telefon : 03 2610 7003

Faks : 03 4041 1940

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penggubal yang terlibat dalam penyediaan Garis Panduan Kos Kitaran Hayat (GPKKH) Versi 2.0 dan Manual Penggunaan GPKKH Versi 2.0.

Senarai Jawatankuasa Penggubal:

JABATAN KERJA RAYA (JKR) MALAYSIA

1. Ir. Mohamad Darus bin Selamat
2. Dr. Noor'Ain binti Zainal Abidin
3. Ir. Dr. Ahmad Firdauz bin Abdul Mutalib
4. Sr Dr. Syamilah binti Yacob
5. Ir. Azrul Hanif bin Ab Halim
6. Ir. Ts. Dr. Mohamad Adzizulrohim bin Abd Malek
7. Ir. Noorsyarini Rosaria binti Noordin
8. Sr Halimaton Sa'diah binti Othman
9. Pn. Siti Maisarah binti Nahrawi
10. Sr Nor Rapidah binti Musthafa
11. Sr Norazrin binti Mohd Kamarudzaman
12. Pn. Naomi Anak Andrew Baling
13. Ir. Mohamad Fahmi bin Zulkifli
14. En. Muhamad Faizal bin Abd Razak
15. En. Asundararaajaloo A/L Vathivellu
16. Pn. Noor Azila binti Idris

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)

17. En. Mohd Nazi bin Mat Yusoff
18. Pn. Joliah binti Mahmud

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)

19. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairullazi bin Ayob
20. Pensyarah Kanan Sr Dr. Roziha binti Che Haron

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

21. Profesor Madya Dr. Rohaya binti Abdul Jalil

UNIVERSITI MALAYA (UM)

22. Profesor Madya Dr. Norhanim binti Zakaria

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

23. Sr Dr. Siti Mazzuana binti Shamsuddin

UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (UTP)

24. Profesor Madya Ts. Dr. Ainul Akmar binti Mokhtar

25. Profesor Madya Ts. Dr. Masdi bin Muhammad

SEKAPUR SIREH



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya jua, Jabatan Kerja Raya melalui Cawangan Perancangan Aset Bersepadu telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Kos Kitaran Hayat (GPKKH) yang telah ditambah baik daripada versi 1.0 ke versi 2.0 untuk rujukan semua agensi kerajaan di Malaysia khususnya. Ia adalah salah satu inovatif serta usaha berterusan selaras dengan visi Jabatan ini untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia dan sebagai

pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset dan pengurusan projek.

Aset yang diurus secara efisien dapat membantu kerajaan dalam pengurusan perbelanjaan yang optimum serta efektif selaras dengan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK), Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan. Ia memerlukan strategi yang komprehensif dalam menguruskan aset kerajaan sejajar dengan amalan terbaik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kos Kitaran Hayat (KKH) ialah konsep penting dalam pengurusan aset kerana ia membolehkan Agensi memberi penekanan pada kos jangka panjang yang holistik. Pendekatan ini bukan sahaja mengambil kira kos projek (pembinaan) malah turut mempertimbangkan kos pemilikan termasuklah kos operasi & penyenggaraan dan projek pemuliharaan/pemuliharaan/ubah suai/naik taraf (PPUN) yang merupakan kos atau perbelanjaan yang paling signifikan sepanjang hayat aset tersebut.

Semoga garis panduan dan manual penggunaan ini dapatlah dimanfaatkan sepenuhnya dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab menguruskan aset Kerajaan dengan lebih baik. Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan garis panduan dan manual penggunaan GPKKH Versi 2.0.

Sekian, terima kasih.

DATO' Ir. HJ ZULKIPLI BIN HJ NASRI

Pengarah Kanan

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

P R A K A T A



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Garis Panduan Kos Kitaran Hayat (GPKKH) ini merupakan dokumen sokongan kepada Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA). Dokumen ini diwujudkan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan dan penggunaan Kos Kitaran Hayat (KKH) dalam pengiraan kos sepanjang hayat aset bangunan dan infrastruktur sama ada baharu atau sedia ada yang diuruskan oleh Kerajaan.

Versi 1.0 telah diterbitkan pada tahun 2012. Peluasan mengenai pendekatan KKH dalam pengurusan aset telah pun dijalankan sejak itu. Hasilnya kebanyakan agensi kerajaan telah pun mempunyai kesedaran akan kebaikan dan kepentingan pendekatan KKH ini terutamanya dari aspek perancangan dan pengurusan kewangan jangka panjang. Kini, BPPA telah berjaya mengemas kini serta menambah baik Garis Panduan Kos Kitaran Hayat kepada versi 2.0 yang lebih komprehensif lengkap dengan Manual Penggunaan.

Besar harapan saya agar garis panduan dan manual penggunaan ini akan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan dan menjadi sumber rujukan kepada semua pihak terutamanya yang terlibat dalam menguruskan aset (tak alih) kerajaan di Malaysia, ke arah pengurusan aset mahupun projek yang lebih mampan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan sumbangan ke arah penerbitan garis panduan dan manual penggunaan ini dan semoga JKR amnya dan BPPA khususnya akan terus cemerlang pada tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

Ir. MOHAMAD DARUS BIN SELAMAT

Pengarah

Bahagian Perundingan Pengurusan Aset

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

G L O S A R I

- Aliran Tunai
(*Cash Flow*)
- Aliran pendapatan dan perbelanjaan dalam agensi bagi tempoh masa tertentu.
- Anuiti
(*Annuity*)
- Pembayaran wang yang melibatkan jumlah yang berulang dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Dalam garis panduan ini, anuiti adalah ditetapkan secara tahunan. Ia biasanya mengambil kira nilai masa terhadap wang seperti kadar keuntungan dan *Future Value*.
- Contoh anuiti adalah seperti kos operasi dan penyenggaraan tahunan, kos sewaan dan lain-lain.
- Aset
- Sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti.
- Diskaun
- Jumlah wang yang dikurangkan daripada harga (jumlah) asal.
- Elemen Kos Aset
- Kos-kos yang terkandung dalam KKH aset pada setiap fasa.
- Fasiliti
- Kemudahan atau perkhidmatan yang menyokong suatu proses/sistem/bisnes/aset. Contoh fasiliti bagi bangunan pejabat ialah kantin, tempat riadah, tempat letak kereta dan tandas awam.

- Inflasi
- Suatu kenaikan dalam tingkat harga umum barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah ekonomi dari semasa ke semasa. Dengan peningkatan tingkat harga umum, setiap unit mata wang cuma dapat membeli barangan dan perkhidmatan dalam jumlah yang kurang daripada sebelumnya.
- Jangka Hayat Berguna
(*Useful Life*)
- Jangkaan tempoh sesuatu aset atau komponen atau sistem atau teknologi atau bahan dapat berfungsi dalam memberi tahap perkhidmatan/prestasi yang ditetapkan oleh pemilik aset.
- Jangka Hayat Ekonomik
(*Economic Life*)
- Jangkaan tempoh sesuatu aset yang mana mempunyai nilai ekonomi lebih besar daripada kos operasi dan penyenggaraan, atau kos terendah sebagai alternatif untuk memenuhi keperluan tertentu.
- Jangka Hayat Maksimum
(*Maximum Life*)
- Tempoh aset atau mana-mana bahagiannya dari mula ia siap dan diterima atau diguna hingga:
 - i) waktu akhir hayat perkhidmatannya, atau
 - ii) ia tidak boleh dibaiki lagi, atau
 - iii) keruntuhan fizikal mungkin berlaku, atau
 - iv) berlaku kegagalan atau keusangan yang berpunca antaranya daripada aspek fizikal, ekonomi, kefungsiian, teknologi, sosial, perundangan/peraturan dan/atau trend semasa.
- Jangka Hayat Perkhidmatan
(*Service Life*)
- Jangkaan tempoh di mana bangunan, infrastruktur atau mana-mana bahagiannya boleh digunakan atau beroperasi sehingga akhir hayat selagi mana ia memenuhi keperluan prestasinya.

<p>Jangka Hayat Reka Bentuk (<i>Design Life</i>)</p>	<p>- Jangkaan tempoh sesuatu aset berupaya berfungsi dengan selamat mengikut spesifikasi teknikal yang ditetapkan dengan mengambil kira parameter tertentu termasuklah kebarangkalian persekitaran dan penggunaan yang boleh diterima tanpa memerlukan penggantian dan pembaikan yang besar.</p>
<p>Kadar Diskaun (<i>Discount Rate</i>)</p>	<p>- Kadar atau peratusan pengurangan yang digunakan untuk membawa kos masa depan ke nilai kini.</p>
<p>Kadar Faedah (<i>Interest Rate</i>)</p>	<p>- Kadar atau peratusan penambahan daripada harga pokok yang dibayar selama tempoh masa tertentu secara tahunan.</p>
<p>Kadar Kenaikan (<i>Escalation Rate</i>)</p>	<p>- Adalah kadar yang melibatkan kos tahunan yang berulang sehingga tahun kitaran hayat.</p>
<p>Kemerosotan (<i>Deterioration</i>)</p>	<p>- Berlaku apabila aset/komponen telah mencapai usia di mana kecekapan serta produktivitinya berkurangan dengan ketara.</p>
<p>Kerjasama Awam Swasta (<i>Public Private Partnership</i>)</p>	<p>- Satu bentuk kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta di mana satu <i>stand alone business</i> diwujudkan, dibiayai dan diuruskan oleh sektor swasta sebagai satu pakej yang merangkumi pengurusan pembinaan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset dan kemudahan (<i>amenities</i>) awam meliputi bangunan, infrastruktur dan peralatannya.</p>
<p>Keusangan (<i>Obsolescence</i>)</p>	<p>Berlaku apabila terdapat alternatif yang lebih ekonomik sepanjang hayat perkhidmatan di pasaran atau adanya pilihan untuk berubah mengikut trend, teknologi, perundangan atau keperluan terkini.</p>

Kitaran Hayat Aset (<i>Asset Life Cycle</i>)	- Fasa-fasa yang dilalui oleh sesuatu aset dalam jangka hayatnya, iaitu perancangan, pewujudan, penggunaan serta pelupusan.
Komponen	- Bahagian yang menjadikan satu subsistem. Bahagian tersebut adalah praktikal untuk dijadikan bahan sebagai alat ganti atau objek dalam arahan kerja penyenggaraan.
Kos Kitaran Hayat (<i>Life Cycle Cost, LCC</i>)	- Jumlah kos yang dianggarkan bagi sesuatu aset pada keseluruhan fasa kitaran hayatnya merangkumi kos pemerolehan dan kos pemilikan.
Kos Modal Awalan (<i>Initial Capital Cost</i>)	- Kos perolehan/pemilikan aset yang merangkumi kos perancangan, pemilikan tanah, reka bentuk, pembinaan dan lain-lain dalam fasa perolehan aset.
Kos Nominal (<i>Nominal Cost</i>)	- Jangkaan perbelanjaan yang perlu dibayar pada masa depan yang mengambil kira segala faktor perubahan dalam harga antaranya akibat perubahan kecekapan, inflasi, deflasi, kemajuan teknologi dan sebagainya.
Kos Nyata (<i>Real Cost</i>)	- Anggaran perbelanjaan dinilai pada tarikh asas pengiraan yang mempertimbangkan perubahan dalam harga akibat perubahan kecekapan, kemajuan teknologi dan sebagainya, tetapi tidak termasuk inflasi atau deflasi.
Kos Operasi (<i>Operation Cost</i>)	- Kos yang terlibat dalam menguruskan aset dan fasiliti dalam fasa penggunaan yang merangkumi kos pentadbiran/pengurusan, pembekalan perkhidmatan, utiliti, buruh, alat ganti dan lain-lain.

Kos Pelupusan (<i>Disposal Cost</i>)	- Kos yang berkaitan dengan pelupusan aset atau komponen atau sistem atau bahan pada akhir kitaran hayatnya, termasuklah sebarang obligasi bagi pemindahan aset atau bahagian berkenaan.
Kos Pemerolehan (<i>Acquisition Cost</i>)	- Kos-kos awalan suatu aset atau mana-mana bahagiannya yang merangkumi kos-kos perancangan, reka bentuk dan pembinaan.
Kos Pemilikan (<i>Sustaining Cost</i>)	- Kos-kos yang terlibat di sepanjang fasa penggunaan aset atau mana-mana bahagiannya sehingga fasa pelupusan yang merangkumi kos operasi, penyenggaraan, ubah suai dan/atau naik taraf, dan pelupusan.
Kos Penyenggaraan (<i>Maintenance Cost</i>)	- Jumlah upah/gaji pekerja, bahan dan kos-kos berkaitan yang diperlukan untuk menyenggara aset atau mana-mana bahagiannya supaya ia dapat melaksanakan fungsinya.
Nilai Kini (<i>Present Value/ Present Worth</i>)	- Sejumlah wang yang dibayar pada masa depan yang ditaksirkan pada hari ini pada kadar diskaun tertentu.
Nilai Kini Bersih (<i>Net Present Value, NPV</i>)	- Jumlah perbezaan antara aliran wang keluar (kos pemerolehan dan kos pemilikan) dan aliran wang masuk yang dikira pada masa kini sepanjang kitaran hayat aset. NPV mengambil kira konsep <i>Time Value of Money</i> .

Nilai Masa Depan (<i>Future Value</i>)	- Kos-kos yang berlaku pada masa depan iaitu kos pemilikan seperti kos operasi, kos penyenggaraan, kos penggantian, kos pelupusan dan kos-kos lain.
Nilai Masa Wang (<i>Time Value of Money</i>)	- Sejumlah wang yang ada dalam tangan hari ini adalah lebih bernilai daripada wang yang dijangka diterima pada masa depan.
Pendapatan	- Jumlah wang yang diperoleh dalam tempoh tertentu sebagai hasil daripada mata pencarian, kerja yang dilakukan, sewa dan sebagainya. Hasil atau kos yang diperolehi adalah anuiti sepanjang tempoh tersebut.
Pulangan Daripada Pelupusan	- Sejumlah wang yang diberikan terhadap aset atau mana-mana bahagiannya pada akhir tempoh analisis KKH atau nilai pulangan hasil penjualan aset yang dilupuskan (<i>scrapped items</i>) pada waktu ia dilupuskan.
Sistem	- Satu set/kumpulan beberapa subsistem-subsistem yang saling melengkapi dan berfungsi bersama untuk memberi suatu perkhidmatan dalam suatu kategori aset khusus.
Subsistem	- Satu set/kumpulan beberapa komponen-komponen yang saling melengkapi untuk menjalankan fungsi tertentu.
Tarikh Asas Pengiraan (<i>Base Date</i>)	- Titik masa di mana tempoh analisis KKH bermula dan pada ketika semua kos masa depan didiskaunkan. Semua kos berkaitan yang terakru sebelum Tarikh Asas Pengiraan tetapi selepas kajian kebolehlaksanaan adalah dianggap sebagai kos modal.

Tempoh Analisis

- Tempoh masa yang ditetapkan untuk pengiraan dan analisis KKH. Tempohnya adalah dari tarikh (atau tahun) asas pengiraan yang dipersetujui hingga tarikh (atau tahun) tertentu akan datang. Sela masa bagi tempoh analisis KKH yang biasa digunakan adalah secara tahunan.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

SENARAI JADUAL

	Kandungan	Muka surat
Jadual 1	- Formula-formula asas untuk pengiraan KKH.	38
Jadual 2	- Alternatif-alternatif aset/komponen/reka bentuk untuk dipertimbangkan dalam analisis KKH.	69
Jadual 3	- Cadangan tempoh analisis KKH mengikut jenis aset.	71
Jadual 4	- Kos-kos tipikal yang diambil kira untuk analisis KKH.	72
Jadual 5	- Aktiviti analisis KKH.	76

SENARAI CARTA

	Kandungan	Muka surat
Carta 1	- Carta Aliran Proses Pelaksanaan KKH oleh Agensi	77
Carta 2	- Carta Aliran Proses Pengiraan KKH Sebagai Kes Asas	78
Carta 3	- Carta Aliran Proses Pengiraan KKH Untuk Perbandingan Alternatif	79

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

SENARAI RAJAH

	Kandungan	Muka surat
Rajah 1	- Roda Kitaran Hayat Aset (KHA).	29
Rajah 2	- Roda Kos Kitaran Hayat (KKH) Aset.	30
Rajah 3	- Contoh pentaksiran kos-kos pada tarikh asas pengiraan untuk membandingkan KKH bagi alternatif-alternatif yang dikenal pasti.	35
Rajah 4	- Kos-kos bagi suatu aset yang diambil kira bagi pengiraan KKH.	36
Rajah 5	- Nilai Kini Bersih (<i>Net Present Value</i> , NPV).	41
Rajah 6	- <i>Future Value</i> .	42
Rajah 7	- <i>Present Value</i> .	44
Rajah 8	- <i>Future Value</i> (F_A) bagi Anuiti.	48
Rajah 9	- <i>Present Value</i> (P_A) bagi Anuiti.	52
Rajah 10	- Analisis KKH bagi suatu aset dari Fasa Perancangan hingga Fasa Pelupusan.	59
Rajah 11	- Enam (6) langkah asas bagi analisis KKH.	68
Rajah 12	- Gambaran perbezaan antara kos keseluruhan hayat dan kos kitaran hayat.	81

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

SINGKATAN

BIM	-	<i>Building Information Modelling</i>
BS	-	<i>British Standards</i>
CAPEX	-	<i>Capital Expenditures</i>
CIDB	-	<i>Construction Industry Development Board, Malaysia</i>
FV	-	<i>Future Value</i>
GGP	-	Perolehan Hijau Kerajaan
GITA	-	<i>Green Investment Tax Allowance</i>
GITE	-	<i>Green Income Tax Exemption</i>
GLC	-	<i>Government-Linked Company</i>
HODT	-	Ketua Pasukan Reka Bentuk/Perolehan
HOPT	-	Ketua Pasukan Projek
ISO	-	<i>International Organization for Standardization</i>
JANM	-	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JHB	-	Jangka Hayat Berguna
JHE	-	Jangka Hayat Ekonomi
JHM	-	Jangka Hayat Maksimum
JHP	-	Jangka Hayat Perkhidmatan
JHR	-	Jangka Hayat Reka Bentuk
JKR	-	Jabatan Kerja Raya Malaysia
JPAK	-	Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
JPM	-	Jabatan Perdana Menteri
JPPN	-	Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
KASA	-	Kementerian Alam Sekitar dan Air
KHA	-	Kitaran Hayat Aset
KKH	-	Kos Kitaran Hayat
MGTC	-	<i>Malaysian Green Technology And Climate Change Corporation</i>
MOF	-	Kementerian Kewangan Malaysia
NPV	-	<i>Net Present Value</i>
OPEX	-	<i>Operating Expenditures</i>
PAM	-	Pengurusan Aset Menyeluruh
PFI	-	<i>Private Finance Initiative</i>

PGC	-	<i>Putrajaya Committee on GLC High Performance</i>
POF	-	Pegawai Operasi Fasilitas
PP	-	Pegawai Penguasa (Projek Pembinaan)
PPP	-	<i>Public-Private Partnership</i>
PPUN	-	Pemulihan/Pemuliharaan/Ubah Suai/Naik Taraf
PTF	-	Pegawai Teknikal Fasilitas
PV/PW	-	<i>Present Value/Present Worth</i>
SMLCC	-	<i>The Standardized Method of Life Cycle Costing for Construction Procurement</i>
UKAS	-	Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri
UPE	-	Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
WLC	-	<i>Whole Life Cost (Kos Keseluruhan Hayat)</i>

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	1
SEKAPUR SIREH	3
PRAKATA	5
GLOSARI	7
SENARAI JADUAL	15
SENARAI CARTA	15
SENARAI RAJAH	17
SINGKATAN	19
KANDUNGAN	21
1.0 LATAR BELAKANG	24
2.0 OBJEKTIF	25
3.0 SKOP	25
4.0 PERUNDANGAN DAN PEKELILING BERKAITAN	25
5.0 PRINSIP AM	27
5.1 Pengenalan	27
5.2 Kitaran Hayat Aset	29
5.3 Prinsip Asas	34
5.4 Standard Dan Definisi	35
6.0 PENGIRAAN	37
6.1 Formula Asas	37
6.2 Teknik Pengiraan	38
6.3 Pemboleh Ubah	56
6.4 Tempoh Analisis (<i>M</i>) dalam Pengiraan KKH	56
6.5 Tarikh Asas Pengiraan	58
6.6 Kos Nyata dan Kos Nominal	59
6.7 Nilai Masa Wang, Pendiskaunan dan Inflasi	60
7.0 PELAKSANAAN	61
7.1 Penggunaan Tipikal Pendekatan Kos Kitaran Hayat	61
7.2 Tahap Anggaran	63
7.3 Maklumat dan Sumber Data	64
7.4 Asas Analisis KKH	68

7.5	Proses Pelaksanaan oleh Agensi	77
7.6	Proses Pengiraan	78
7.7	Pelaporan	80
8.0	PERTIMBANGAN	81
8.1	Kos Keseluruhan Hayat	81
8.2	Keperluan Pemilik/Pengguna Semasa Perolehan	82
8.3	Penilaian Aset/Projek/Program Alternatif	82
8.4	Risiko dan Ketidakpastian	83
8.5	Penandaarasan	85
8.6	Penyimpanan Rekod	85
9.0	PENUTUP	86
	RUJUKAN	86
	SENARAI LAMPIRAN	88
	LAMPIRAN JKR.KKH.1	90
	LAMPIRAN JKR.KKH.2	95
	LAMPIRAN JKR.KKH.3	99
	LAMPIRAN JKR.KKH.4	102
	LAMPIRAN JKR.KKH.5	107
	LAMPIRAN JKR.KKH.6	108
	LAMPIRAN JKR.KKH.7	111
	LAMPIRAN JKR.KKH.8	112
	LAMPIRAN JKR.KKH.9	114
	LAMPIRAN JKR.KKH.10	115
	LAMPIRAN JKR.KKH.11	124

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

1.0 LATAR BELAKANG

Aset merupakan instrumen penting kepada penyampaian perkhidmatan yang diberikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Setiap aset mempunyai kitaran hayat dan setiap kitaran mempunyai implikasi kewangan kepada pemilik aset. Saban tahun, kerajaan memperuntukkan sejumlah bajet yang besar sama ada bagi tujuan pembangunan aset baharu mahupun operasi & penyenggaraan aset sedia ada. Keperluan perbelanjaan ini akan terus meningkat dari tahun ke tahun seiring dengan penambahan aset baharu. Penyenggaraan, pemulihan dan pembaikan aset lama juga mungkin memerlukan perbelanjaan yang lebih besar.

Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) telah menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memberi penekanan kepada konsep, prinsip dan amalan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) berdasarkan nilai faedah seluruh kitaran hayat aset (KHA) dalam menguruskan aset kerajaan. Penggunaan aset secara optimum dengan kos yang efektif merangkumi ciri-ciri mesra alam sekitar dan kecekapan tenaga adalah antara fokus utama pendekatan PAM yang berpotensi memanjangkan jangka hayat aset dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Pendekatan Kos Kitaran Hayat (KKH) pada asasnya adalah penting dalam meningkatkan keberkesanan strategi PAM.

Di samping itu, inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) telah mula dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2013 bagi menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara yang dilancarkan pada tahun 2009. Inisiatif GGP menyasarkan penjimatan kewangan jangka panjang, mengurangkan beban bajet awam, merangsang pertumbuhan hijau, dan meningkatkan daya saing industri tempatan. Setiap agensi kerajaan dikehendaki memastikan bahawa pelaksanaan GGP adalah menggunakan peruntukan sedia ada tanpa sebarang peruntukan tambahan daripada Agensi Pusat. Dalam hal ini, agensi kerajaan adalah juga disarankan mengguna pakai instrumen KKH dalam membantu membuat keputusan perolehan yang lebih berkesan dan mendapat nilai faedah terbaik.

2.0 OBJEKTIF

Dokumen ini diwujudkan untuk memberi panduan penggunaan bagi pelaksanaan pengiraan Kos Kitaran Hayat (KKH) sebagai teknik dalam usaha mengoptimumkan jumlah keseluruhan perbelanjaan kos bagi pembangunan, pemilikan dan penyenggaraan aset bangunan atau infrastruktur awam baharu dan sedia ada yang diuruskan oleh kerajaan.

3.0 SKOP

Aset bangunan dan infrastruktur di bawah tanggungjawab dan kawalan agensi kerajaan.

4.0 PERUNDANGAN DAN PEKELILING BERKAITAN

4.1 KKH dalam Pengurusan Aset dan Fasiliti Kerajaan/Awam

- a. Urus Setia JPAK. (2021). Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) Versi 2.0. Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- b. Urus Setia JPAK. (2021). Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan (MPAM) Versi 2.0. Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- c. Arahan dan pekeliling kerajaan semasa yang berkuat kuasa.

4.2 KKH dalam Pengurusan Nilai

- a. UPE. (2011). Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dalam Program/Projek Kerajaan. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia.
- b. UPE. (2015). Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2015: Penambahbaikan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dan Garis Panduan dan Peraturan Bagi

Perancangan Bangunan Dalam Program/Projek Kerajaan Persekutuan. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia.

4.3 KKH dalam Pengurusan Bangunan Hijau/Lestari

- a. Greenbuildingindex Sdn. Bhd. (2022). *Green Building Index*.
- b. MOF, KASA & MGTC. (2020). *Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0*. Malaysian Green Technology and Climate Change Centre.
- c. MGTC. *Green Investment Tax Allowance (GITA) & Green Income Tax Exemption (GITE) Incentives*. Kementerian Alam Sekitar dan Air.

4.4 KKH dalam Sistem Perolehan Buku Merah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

- a. PGC. (2006). *The Red Book: Procurement Guidelines and Best Practices*.
- b. PGC. (2006). *Review and revamp document: "Red Book" on Policies and Practice*.

4.5 KKH dalam *Building Information Modelling* (BIM)

- a. CIDB. (2016). *Malaysia Building Information Modelling Report 2016*.
- b. CIDB. (2018). *Handbook for the Implementation of Building Information Modelling in Construction Industry Transformation Programme 2016-2020*.

4.6 KKH dalam Polisi PPP/PFI

- a. UKAS. (2009). *Garis Panduan Kerjasama Awam-Swasta (Public Private Partnership)*.
- b. UKAS. (2010). *Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri: Background. Paper presented at Malaysia's Public-Private Partnership Seminar (2010) organised by*

Procurement & Project Delivery, System Research Unit, Kulliyah of Arcitecture and Environmental Design, International Islamic University Malaysia in collaboration with Public-Private Partnership Unit, Prime Minister Department, Selangor.

- c. UKAS. (2010). *Public Private Partnership (PPP) in Malaysia. Paper presented at the 56th MBAM Annual General Meeting, Master Builders Association of Malaysia (MBAM) organized by MBAM, Kuala Lumpur.*

4.7 KKH dalam Transformasi Pembinaan Digital

- a. CIDB (2020). *Construction 4.0 Strategic Plan (2021-2025): Gearing Up for the Fourth Industrial Revolution.*

5.0 PRINSIP AM

5.1 Pengenalan

Garis panduan ini menerangkan konsep asas dan panduan mengenai pelaksanaan teknik KKH dalam proses penentuan dan pengiraan jumlah kos yang optimum pada mana-mana fasa KHA. KKH di bawah skop pengurusan aset kerajaan adalah mengambil kira semua kos yang berkaitan pemerolehan dan pemilikan sesuatu aset (tidak termasuk pendapatan, keuntungan atau kutipan hasil perkhidmatan kerajaan) dalam tempoh masa yang ditentukan (tempoh analisis).

KKH adalah salah satu instrumen untuk membantu menilai prestasi kos bagi suatu aset terutamanya dalam fasa pewujudan dan penggunaan yang bertujuan untuk memudahkan pilihan di mana terdapatnya alternatif untuk mencapai objektif pemilik aset. Setiap alternatif bukan sahaja berbeza pada kos awalnya, tetapi juga dalam kos pengoperasian atau penggunaan berikutnya. Setiap alternatif tersebut akan dibandingkan dengan parameter yang sama.

Hasil analisis atau pengiraan KKH boleh digunakan untuk pelbagai tujuan yang berbeza-beza, misalnya:


- Sebagai analisis awal untuk menentukan keputusan pembangunan strategik, atau salah satu proses dalam penyediaan bajet.
Contoh: Untuk menyokong keputusan sama ada meneruskan atau tidak dengan sesuatu projek, untuk membandingkan alternatif strategik projek tersebut atau untuk menetapkan atau menguji bajet dan had kemampuannya.
- Untuk membantu dalam pemilihan alternatif pembangunan dan pengubahsuaian yang dikenal pasti.
Contoh: Sama ada memilih pembinaan bangunan baharu berbanding pengubahsuaian bangunan sedia ada atau membandingkan pelbagai alternatif penyelesaian reka bentuk dan pembinaan bagi sesebuah projek.
- Untuk menilai alternatif reka bentuk terperinci pada peringkat elemen, sistem dan komponen.
Contoh: Pemilihan reka bentuk sistem penyaman udara jenis berpusat atau jenis individu.
- Untuk menentukan strategi penyenggaraan dan penggantian kitaran hayat (*lifecycle replacement*) yang optimum.
Contoh: Strategi penyenggaraan dan penggantian sistem lif penumpang dalam hospital.
- Untuk menganalisis strategi penempatan semula.
Contoh: Sama ada membina aset baharu atau menyewa atau membaik pulih aset sedia ada bagi memenuhi keperluan fungsi baharu organisasi atau penempatan semula kakitangan.

- Untuk menentukan, mengawal dan menyokong keperluan dana.
Contoh: Membiayai dan mengawal perbelanjaan untuk program/aktiviti penyenggaraan dan modal penggantian yang dirancang pada masa depan.
- Untuk jaminan pengurusan aset/projek atau pengauditan kos.
- Untuk dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada penilaian alam sekitar atau kelestarian aset/projek.

5.2 Kitaran Hayat Aset


Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) merupakan pendekatan di mana aset diurus secara sistematik, holistik, lestari dan mengambil kira Kos Kitaran Hayat (KKH) untuk mencapai faedah aset secara optimum melalui keseluruhan Kitaran Hayat Aset (KHA).

KHA adalah turutan fasa atau peringkat yang terlibat dalam pengurusan aset. Ia bermula dengan fasa perancangan apabila keperluan untuk aset dikenal pasti dan berterusan sepanjang hayat bergunanya hingga pelupusan pada akhirnya seperti yang digambarkan pada **Rajah 1**.



Rajah 1: Roda Kitaran Hayat Aset (KHA).

Rajah 2 pula menunjukkan bagaimana dan di mana KKH adalah relevan dalam KHA (bangunan/infrastruktur) yang dibina, khususnya semasa perancangan projek, reka bentuk, pembinaan dan penggunaan aset tersebut.



Rajah 2: Roda Kos Kitaran Hayat (KKH) Aset.
(kemas kini daripada BS ISO 15686-5)

Fasa 1: Perancangan

Keperluan untuk aset baharu dikenal pasti, dirancang dan disediakan.

Fasa **perancangan** dalam pengurusan KHA adalah yang paling penting di mana pihak-pihak berkepentingan mempunyai pengaruh paling besar ke atas aset pada kos yang paling rendah. Pada masa ini, aset hanya di atas kertas yang membolehkan pelbagai idea serta perubahan dibuat dengan mudah berbanding setelah ia siap dibina atau dipasang.

Beberapa alternatif aset yang mungkin mampu memenuhi dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang diinginkan harus dikenal pasti, dinilai dan dibandingkan KKHnya.

Pengenalpastian alternatif aset tidak terbatas dengan pembinaan dan pemasangan baharu semata-mata. Pemerolehan aset dengan cara membeli dan mengubah suai aset siap bina di lokasi-lokasi berbeza atau membeli dan memasang sistem/komponen/bahan terpakai juga merupakan alternatif-alternatif yang boleh dipertimbangkan. Konsep hijau dan aspek kebolehsenggaraan adalah antara ciri-ciri aset yang sangat ideal dalam mendapatkan KKH yang terendah.

Antara aktiviti dalam fasa perancangan yang mungkin mempunyai kos bagi tujuan analisis KKH ialah kajian kebolehlaksanaan, kajian impak terhadap alam sekitar, siasatan tanah, bengkel pengurusan nilai dan sebagainya.

Fasa 2: Pewujudan

Aset tersebut diwujudkan dan dimiliki melalui proses pewujudan yang ditetapkan.

Keputusan atau output **reka bentuk** boleh memberi kesan terhadap kos dalam semua fasa KHA. Menggunakan teknik KKH, pemilihan sistem, komponen dan bahan yang berkualiti serta tahan lama akan menurunkan jumlah KKH apabila risiko kegagalan dan kekerapan penyenggaraan atau penggantian dapat diminimumkan. Alternatif reka bentuk yang bercirikan kebolehsenggaraan pula berpotensi memudahkan aktiviti pemeriksaan dan penyenggaraan seterusnya mengurangkan lagi kos dalam fasa penggunaan kelak.

Aktiviti reka bentuk itu sendiri sama ada dilakukan secara dalaman oleh agensi atau lantikan perunding swasta pada umumnya mempunyai

kos yang diambil kira dalam analisis KKH. Kos tersebut adalah meliputi gaji, upah, fi perunding, peratusan keuntungan tertentu dan sebagainya.

Kos **pembinaan** aset atau **pembelian dan pemasangan** apa-apa sistem/komponen merupakan bahagian yang terbesar daripada jumlah kos pemerolehan (atau kos awalan) bagi pengiraan KKH. Kos pembinaan aset yang dipilih mungkin lebih tinggi berbanding dengan alternatif-alternatif lain tetapi ia mungkin adalah alternatif yang memberikan jumlah KKH yang paling rendah.

Oleh itu, perhatian harus diberikan semasa pembinaan untuk memastikan pencapaian kualiti yang telah direka bentuk di samping mengekalkan KKH yang telah dipersetujui sebagaimana asalnya. Sebarang cadangan perubahan semasa pembinaan sedang berjalan harus disertakan dengan analisis KKH yang terkini untuk dipertimbangkan, difahami akan manfaat atau implikasinya dan dipersetujui terutamanya oleh pemilik aset.

Fasa 3: Penggunaan

Aset diterima, dioperasi, disenggara, dibaik pulih, dipulihara, diubah suai dan/atau dinaik taraf mengikut keperluan serta tertakluk kepada penilaian aset.

Laporan analisis KKH yang dilaksanakan semasa fasa perancangan dan pewujudan harus dijadikan sebagai rujukan dan panduan oleh pengurus aset untuk merancang dan menyediakan jadual aktiviti serta bajet tahunan bagi operasi, penyenggaraan/penggantian, PPUN dan pelupusan aset atau mana-mana bahagiannya.

Penyenggaraan dan penggantian harus dirancang dan diurus sebaiknya supaya agensi terhindar daripada pelbagai isu seperti kerosakan yang tidak dijangka, masa henti (*downtime*) yang lama dan penyenggaraan

kecemasan yang terlalu kerap hingga menyukarkan kawalan perbelanjaan.

Pada asasnya, pendekatan KKH menekankan aspek penyenggaraan pencegahan. Kos **operasi dan penyenggaraan** bagi analisis KKH diperolehi berdasarkan jangkaan keperluan sumber manusia, anggaran penggunaan tenaga (elektrik), jadual penyenggaraan dan penggantian dan pelbagai maklumat lain berkaitan penggunaan aset.

Sebarang kerja pembaikan aset/sistem/komponen sedia ada boleh dibayar dengan kaedah kewangan biasa oleh agensi atau pengurus aset menggunakan peruntukan semasa yang diterima. Namun, **penggantian** mana-mana aset/sistem/komponen sebaiknya dilaksanakan menggunakan teknik KKH yang memerlukan beberapa alternatif dikenal pasti terlebih dahulu seterusnya dinilai dan dibanding.

PPUN dan anggaran kosnya boleh dirancang untuk dilaksanakan selepas suatu tempoh tertentu semasa membuat analisis KKH. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sebenar adalah sebaiknya tertakluk pada hasil penilaian prestasi dan keadaan aset. Sebagaimana kerja penggantian, PPUN juga sebaiknya dilaksanakan dengan menggunakan teknik KKH yang mana beberapa alternatif dikenal pasti, dinilai dan dibanding lebih-lebih lagi semasa peringkat perancangan dan reka bentuknya.

Fasa 4: Pelupusan

Penggunaan aset dihentikan apabila perkhidmatan tidak diperlukan lagi atau tidak ekonomik digunakan.

Apabila aset atau mana-mana bahagiannya perlu diganti atau telah mencapai **akhir hayat bergunanya**, agensi boleh melupusnya dengan cara memindah milik, menjual, meroboh, menyahpasang, memusnah dan sebagainya. Selain kos untuk meroboh dan membersihkan tapak, hasil

atau pulangan kepada pemilik aset daripada jualan aset atau barangan kitar semula juga boleh diambil kira dalam analisis KKH.

5.3 Prinsip Asas


Analisis atau pengiraan KKH merupakan satu bentuk penilaian ekonomi yang dijadikan sebagai salah satu input dalam proses membuat keputusan dalam pengurusan aset. Proses membuat keputusan harus mempertimbangkan input-input lain seperti penilaian alam sekitar, penilaian reka bentuk, penilaian keselamatan, penilaian kefungsiian dan penilaian pematuhan perundangan dan peraturan.

Analisis atau pengiraan hendaklah pada tahap perincian yang bersesuaian mengikut keperluan analisis serta fasa aset. Sebarang skop kos yang disertakan, dibataskan atau dikecualikan bagi analisis KKH hendaklah ditentukan dan dipersetujui oleh pemilik pada peringkat awal.

Bagi tujuan membandingkan mana-mana alternatif dengan kos dan masa yang berbeza, kos-kos tersebut perlu ditaksirkan pada suatu titik masa yang sama dalam garis masa analisis. Ini adalah proses mendiskaunkan kos-kos masa depan ke suatu tarikh asas pengiraan yang ditetapkan sebagaimana yang akan dijelaskan dalam **Seksyen 6.5**.

Pengiraan KKH aset yang optimum memerlukan penggunaan data sejarah seperti keadaan, prestasi, penyenggaraan, risiko dan kos. Oleh itu, data mesti dikumpul dan digunakan untuk memacu pembuatan keputusan yang efektif. Walau apapun, KKH merupakan suatu anggaran kos berdasarkan andaian bahawa aset dioperasikan dan disenggara sepertimana yang dirancang. Dana yang mencukupi membolehkan aset berfungsi pada tahap perkhidmatan yang diperlukan sepanjang

hayatnya. Tanpa dana dan penyenggaraan yang sepatutnya, aset mungkin gagal/usang sebelum waktunya dan mengurangkan keberkesanan kos keseluruhan.



Nota:

	Alternatif 1	Membina baharu bangunan pejabat.
	Alternatif 2	Membeli bangunan pejabat sedia ada dan mengubah suai dalaman bangunan tersebut.
	Alternatif 3	Menyewa bangunan pejabat sedia ada dan mengubah suai dalaman bangunan tersebut.

Rajah 3: Contoh pentaksiran kos-kos pada tarikh asas pengiraan untuk membandingkan KKH bagi alternatif-alternatif yang dikenal pasti.

5.4 Standard Dan Definisi

Kandungan dalam BS ISO 15686-5: Kos Kitaran Hayat adalah merangkumi prinsip, proses, pengiraan dan definisi utama bagi KKH.

Di samping itu, Kaedah Piawai Pengambilan Kos Kitaran Hayat untuk Perolehan Pembinaan (*The Standardized Method of Life Cycle Costing for Construction Procurement, SMLCC*) juga menjadi rujukan pelengkap kepada BS ISO 15686-5 yang memberikan peraturan terperinci untuk mengukur KKH.


Definisi utama yang dipetik daripada Standard Antarabangsa, BS ISO 15686-5: Kos Kitaran Hayat adalah seperti berikut:

Kos kitaran hayat (*Life cycle cost – LCC*) adalah 'kos sesuatu aset atau mana-mana bahagian sepanjang kitaran hayatnya yang memenuhi keperluan prestasi'.

(BS ISO 15686-5:2017, 3.1.7)

Pengiraan KKH (*Life cycle costing*) adalah 'metodologi untuk penilaian ekonomik kos kitaran hayat secara sistematik bagi suatu tempoh analisis dan dalam skop yang dipersetujui'.

(BS ISO 15686-5:2017, 3.1.8)



Rajah 4: Kos-kos bagi suatu aset yang diambil kira bagi pengiraan KKH.

Secara mudahnya, KKH ialah '**jumlah kos yang dianggarkan bagi sesuatu aset pada keseluruhan fasa kitaran hayatnya merangkumi kos pemerolehan dan kos pemilikan**'.

Kos pemerolehan merujuk kepada kos-kos awalan suatu aset atau mana-mana bahagiannya yang merangkumi kos-kos perancangan, reka bentuk dan pembinaan. Semua kos tersebut perlu dibelanjakan oleh pemilik aset bagi menyedia atau mendapat milikan aset melalui kaedah bina baharu, beli siap, ambil alih dan sebagainya. Sebarang kos tambahan yang terikat secara langsung dengan proses pemerolehan juga boleh dimasukkan, contohnya kos kajian, perunding, pengambilan balik tanah, penempatan semula (penduduk sedia ada), pengangkutan, pemasangan, cukai dan lain-lain.

Kos pemilikan pula ialah kos-kos yang terlibat di sepanjang fasa penggunaan aset atau mana-mana bahagiannya sehingga fasa pelupusan yang merangkumi kos operasi, penyenggaraan, ubah suai dan naik taraf, dan pelupusan. Semua kos tersebut termasuklah sebarang kos tambahan yang terikat secara langsung dengannya perlu dibelanjakan oleh pemilik aset untuk mengekalkan fungsi aset dalam memberi tahap perkhidmatan yang ditetapkan sehingga akhir hayatnya.

Kos-kos pemerolehan dan pemilikan yang boleh dipertimbangkan dalam analisis/pengiraan KKH adalah disenaraikan pada **Jadual 4** di bawah **Seksyen 7.4.4**.

6.0 PENGIRAAN

6.1 Formula Asas

Formula asas untuk pengiraan KKH adalah diberikan dalam **Jadual 1**. NPV , P dan P_A merupakan formula yang paling kerap digunakan.

Jadual 1: Formula-formula asas untuk pengiraan KKH.

Output Kiraan	Formula
Net Present Value (NPV)	$Kos\ Pemerolehan + \sum_{t=1}^{t=n} \frac{Perbelanjaan\ pada\ tahun\ t}{(1+i)^t}$
Future Value (F)	$P(1+i)^n$
Future Value of an Annuity (F _A)	$A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i} \right]$
Present Value (P)	$\frac{F}{(1+i)^n} = F(1+i)^{-n}$
Present Value of an Annuity (P _A)	$A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right]$

di mana,

- A** : Nilai anuiti
t : Masa dalam tahun
n : Bilangan tahun (atau tahun ke- **n**)
i : Kadar faedah/diskaun

6.2 Teknik Pengiraan

Pengiraan KKH boleh dilakukan dengan mana-mana daripada tiga (3) praktis berikut:

- a) Secara manual
- Mengira KKH secara terus menggunakan formula yang dinyatakan di **Seksyen 6.1**.
 - Boleh menggunakan kadar faedah/diskaun, **i** dalam bentuk nombor perpuluhan.

- Perlu berhati-hati dan teliti apabila memasukkan nilai/angka ke dalam formula yang lebih kompleks (*Future Value of an Annuity* dan *Present Value of an Annuity*) bagi mengelakkan kesilapan.
- Hasil kiraan adalah dengan ketepatan yang tinggi iaitu sehingga nilai sen.

b) Menggunakan Jadual Faktor (**LAMPIRAN JKR.KKH.10**)

- Bahagian formula yang mengandungi anu n dan i dipermudahkan menjadi nilai pekali dengan kumpulan faktor P/F, P/A, F/P, F/A.
- Jadual Faktor disusun mengikut keutamaan kadar faedah/diskaun, i (2%, 3%, 4% dan seterusnya) untuk mencari nilai pekali pada tahun, n (1, 2, 3, dan seterusnya) di bawah kumpulan faktor yang dikehendaki.
- Pengiraan lebih mudah dengan risiko kesilapan yang rendah.
- Hasil kiraan adalah dengan ketepatan pada nilai Ringgit.

c) Menggunakan Jadual Kewangan bagi Nilai Masa Wang (**LAMPIRAN JKR.KKH.11**)

- Bahagian formula yang mengandungi anu n dan i dipermudahkan menjadi nilai pekali tanpa kumpulan faktor.
- Jadual Kewangan disusun mengikut keutamaan Output Kiraan (sepertimana di **Seksyen 6.1**) untuk mencari nilai pekali pada kadar faedah/diskaun, i (1%, 2%, 3%, dan seterusnya) dan pada tahun, n (1, 2, 3, dan seterusnya) yang dikehendaki.
- Pengiraan lebih mudah dengan risiko kesilapan yang rendah.
- Hasil kiraan adalah dengan ketepatan pada nilai Ringgit.

6.2.1 Asas pengiraan KKH adalah seperti berikut:

$$KKH = \text{Kos Pemerolehan} + \text{Kos Pemilikan} \quad \dots (1)$$

di mana,

Kos Pemerolehan

$$= \text{Kos Perancangan} + \text{Kos Reka Bentuk} + \text{Kos Pembinaan}$$

Kos Pemilikan

$$= \text{Kos Operasi} + \text{Kos Penyenggaraan} + \text{Kos PPUN} + \text{Kos Pelupusan}$$

KKH merupakan jumlah kos yang terlibat dari fasa perancangan hingga fasa pelupusan dalam KHA.

6.2.2 Pengiraan ***Net Present Value (NPV)***:

Pada umumnya, terdapat banyak kaedah analisis atau penilaian ekonomi yang berkaitan dengan KKH di mana setiap kaedah mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Dalam hal ini, kaedah **Nilai Kini Bersih (*Net Present Value, NPV*)** adalah disyorkan sepertimana dalam ISO 15686-5 untuk digunakan sebagai kaedah pengiraan KKH.

$$NPV = P_a + P_o + P_p + P_u + P_l \quad \dots (2)$$

di mana,

P_a : Kos Pemerolehan


P_o : Nilai kini kos operasi

P_p : Nilai kini kos penyenggaraan

P_u : Nilai kini kos PPUN

P_l : Nilai kini kos pelupusan

P_o dan P_p boleh menjadi kos anuiti di mana nilainya adalah berulang pada setiap tahun.



Rajah 5: Nilai Kini Bersih (*Net Present Value*, NPV)


NPV boleh dianggap sebagai nilai masa kini bagi jumlah bersih kos sepanjang hayat aset yang merangkumi kos pemerolehan pada tahun semasa dan segala kos perbelanjaan pada masa depan. Pelupusan yang memberi pulangan hasil akan dinyatakan sebagai nilai negatif dalam pengiraan KKH.

6.2.3 Pengiraan *Future Value* (F):

$$F = P(1 + i)^n \quad \dots (3)$$

menjadi $\frac{F}{P} = (1 + i)^n \quad \dots (4)$

di mana,
P : Nilai Kini (*Present Value*)
i : Kadar Faedah
n : Bilangan Tahun



Rajah 6: *Future Value*

Contoh 1 menunjukkan panduan pengiraan *Future Value* yang dilakukan dengan ketiga-tiga praktis yang dinyatakan sebelum ini.

Contoh 1: Pengiraan *Future Value*

Anda menyimpan RM 1,000.00 di bank selama 3 tahun dengan kadar faedah, $i = 5\%$ setiap tahun. Kira nilai masa depan (F) bagi wang anda pada tahun ke-3.

a) Pengiraan secara manual

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai tahun ketiga, } F &= P (1 + i)^n \\
 &= 1,000 (1 + 0.05)^3 \\
 &= 1,000 (1.05)^3 \\
 &= 1,157.63
 \end{aligned}$$

Oleh itu, *Future Value* (F) bagi RM 1,000.00 selepas 3 tahun disimpan di dalam bank ialah **RM 1,157.63**.

1. Pengiraan menggunakan Jadual Faktor

Berdasarkan penetapan kadar faedah sebanyak 5%, **Jadual Faktor 4** di **LAMPIRAN JKR.KKH.10** adalah dirujuk. Dengan mengetahui bilangan tahun, pekali $(1 + i)^n$ atau disebut sebagai **faktor F/P** boleh diperolehi daripada jadual berkenaan.

Merujuk pada jadual [$n = 3$], faktor F/P = 1.1576

$$\begin{aligned}\text{Nilai tahun ketiga, } F &= P(1 + i)^n \\ &= 1,000(1.1576) \\ &= 1,157.60\end{aligned}$$

Oleh itu, *Future Value (F)* bagi RM 1,000.00 selepas 3 tahun disimpan di dalam bank ialah **RM 1,157.60**.

2. Pengiraan menggunakan Jadual Kewangan

Dengan mengetahui kadar faedah serta bilangan tahun, pekali $(1 + i)^n$ boleh diperolehi daripada **Jadual Kewangan 4: Jadual Future Value** di **LAMPIRAN JKR.KKH.11**.

Merujuk pada jadual [$i = 5\%$, $n = 3$], $(1 + i)^n = 1.1576$

$$\begin{aligned}\text{Nilai tahun ketiga, } F &= P(1 + i)^n \\ &= 1,000(1.1576) \\ &= 1,157.60\end{aligned}$$

Oleh itu, *Future Value (F)* bagi RM 1,000.00 selepas 3 tahun disimpan di dalam bank ialah **RM 1,157.60**.

6.2.4 Pengiraan **Present Value (P)**:

Nilai Kini (Present Value) ialah nilai semasa sejumlah wang atau aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar diskaun tertentu. Nilai kini ialah konsep yang menyatakan jumlah wang pada hari ini adalah lebih bernilai daripada jumlah wang yang sama pada masa depan.

Daripada formula (3), formula bagi *Present Value* boleh ditulis semula seperti berikut:

$$P = \frac{F}{(1+i)^n} = F(1+i)^{-n} \quad \dots (5)$$


menjadi $\frac{P}{F} = (1+i)^{-n} \quad \dots (6)$

di mana,

F : Nilai Masa Depan (*Future Value*)

i : Kadar Diskaun

n : Bilangan Tahun



Rajah 7: *Present Value*

Contoh 2 menunjukkan panduan pengiraan *Present Value* yang dilakukan secara manual dan menggunakan Jadual Faktor.

Contoh 2: Pengiraan Present Value

Sebuah bangunan pejabat Kerajaan bernilai RM 2,000,000.00 dijangka akan digunakan sehingga 30 tahun dan akan dilupuskan dengan nilai sisa sebanyak 10% daripada nilai asalnya. Kira *Present Value* bagi nilai sisa tersebut dengan kadar diskaun sebanyak 5% setiap tahun.

a) Pengiraan secara manual

$$\text{Nilai sisa, } F_{lupus} = 2,000,000 \times 0.10 = 200,000$$

$$\begin{aligned} \text{Present Value, } P &= F(1 + i)^{-n} \\ &= 200,000(1 + 0.05)^{-30} \\ &= 200,000(1.05)^{-30} \\ &= 46,275.49 \end{aligned}$$

Oleh itu, *Present Value* (P) bagi nilai sisa yang diterima pada 30 tahun akan datang ialah **RM 46,275.49**.

b) Pengiraan menggunakan Jadual Faktor

Berdasarkan penetapan kadar faedah sebanyak 5%, **Jadual Faktor 4** di **LAMPIRAN JKR.KKH.10** adalah dirujuk. Dengan mengetahui bilangan tahun, pekali $(1 + i)^{-n}$ atau disebut sebagai **faktor P/F** boleh diperolehi daripada jadual berkenaan.

$$\text{Nilai sisa, } F_{lupus} = 2,000,000 \times 0.10 = 200,000$$

Merujuk pada jadual [$n = 30$], faktor P/F = 0.2314

$$\begin{aligned} \text{Present Value, } P &= F(1 + i)^{-n} \\ &= 200,000(0.2314) \\ &= 46,280.00 \end{aligned}$$

Oleh itu, *Present Value (P)* bagi nilai sisa yang diterima pada 30 tahun akan datang ialah **RM 46,280.00**.

Contoh 3 pula menunjukkan panduan pengiraan *Present Value* yang dilakukan secara manual dan menggunakan Jadual Kewangan.

Contoh 3: Pengiraan Present Value

Sebuah AHU perlu membuat penggantian penapis udara pada tahun ke-3 penggunaannya. AHU tersebut memiliki 10 penapis udara yang perlu ditukar. Sebuah penapis udara dianggarkan berharga RM 100.00. Kira *Present Value* bagi kos penggantian penapis udara AHU tersebut dengan kadar diskaun sebanyak 4% setiap tahun.

a) Pengiraan secara manual

Jumlah Kos Penggantian,

$$F_{ganti} = 100 \times 10 = 1,000$$

Dengan menggunakan formula *Present Value*,

$$\begin{aligned} P &= F (1 + i)^{-n} \\ &= 1,000 (1 + 0.04)^{-3} \\ &= 1,000 (1.04)^{-3} \\ &= 889.00 \end{aligned}$$

Oleh itu, *Present Value (P)* bagi kos penggantian 10 unit penapis udara pada tahun ke-3 nanti ialah **RM 889.00**.

b) Pengiraan menggunakan Jadual Kewangan

Jumlah Kos Penggantian,

$$F_{ganti} = 100 \times 10 = 1,000$$

Dengan mengetahui kadar faedah serta bilangan tahun, pekali $(1 + i)^{-n}$ boleh diperolehi daripada **Jadual Kewangan 1: Jadual Present Value** di **LAMPIRAN JKR.KKH.11**.

Merujuk pada jadual [$i = 4\%$, $n = 3$], $(1 + i)^{-n} = 0.8890$

$$\begin{aligned} P &= F(1 + i)^{-n} \\ &= 1,000(0.8890) \\ &= 889.00 \end{aligned}$$

Oleh itu, *Present Value* (P) bagi kos penggantian 10 unit penapis udara pada tahun ke-3 nanti ialah **RM 889.00**.

6.2.5 Pengiraan **Future Value** (F) bagi nilai **Anuiti** (A):

Formula *Future Value* (F) bagi nilai Anuiti (A) adalah dipermudahkan seperti berikut:

$$F = A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i} \right] \quad \dots (7)$$

$$\text{menjadi} \quad \frac{F}{A} = \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i} \right] \quad \dots (8)$$


di mana,

F : Nilai Masa Depan (*Future Value*)

A : Kos Anuiti

i : Kadar Faedah

n : Bilangan Tahun



Rajah 8: *Future Value* (F_A) bagi Anuiti

Contoh 4-1 menunjukkan panduan pengiraan *Future Value* bagi Anuiti yang dilakukan secara manual dan menggunakan Jadual Faktor serta Jadual Kewangan.

Contoh 4-1: Pengiraan *Future Value* (F_A) bagi Nilai Anuiti

Berapakah nilai masa depan untuk bayaran tetap bil talian internet sebanyak RM 6,000 yang dibuat oleh Ibu Pejabat LHDN pada akhir setiap tahun selama 8 tahun, jika kadar diskaun adalah 4%?

a) Pengiraan secara manual

$$\begin{aligned}
 F_A &= A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i} \right] \\
 &= 6,000 \left[\frac{(1+0.04)^8 - 1}{0.04} \right] \\
 &= 6,000 \left[\frac{(1.04)^8 - 1}{0.04} \right] \\
 &= 55,285.36
 \end{aligned}$$

Jadi, F_A bagi bayaran tetap talian internet oleh Ibu Pejabat LHDN selama 8 tahun itu ialah **RM 55,285.36**.

b) Pengiraan menggunakan Jadual Faktor

Berdasarkan penetapan kadar faedah sebanyak 4%, **Jadual Faktor 3** di **LAMPIRAN JKR.KKH.10** adalah dirujuk. Dengan mengetahui bilangan tahun, pekali $\left[\frac{(1+i)^n-1}{i}\right]$ atau disebut sebagai **faktor F/A** boleh diperolehi daripada jadual berkenaan.

Merujuk pada jadual [$n = 8$], faktor $F/A = 9.2142$

$$\begin{aligned}F_A &= A \left[\frac{(1+i)^n-1}{i}\right] \\ &= 6,000 [9.2142] \\ &= 55,285.20\end{aligned}$$

Jadi, F_A bagi bayaran tetap talian internet oleh Ibu Pejabat LHDN selama 8 tahun itu ialah **RM 55,285.20**.

c) Pengiraan menggunakan Jadual Kewangan

Dengan mengetahui kadar faedah serta bilangan tahun, pekali $\left[\frac{(1+i)^n-1}{i}\right]$ boleh diperolehi daripada **Jadual Kewangan 5: Jadual Future Value Annuity** di **LAMPIRAN JKR.KKH.11**.

Merujuk pada jadual [$i = 4\%$, $n = 8$], $\left[\frac{(1+i)^n-1}{i}\right] = 9.2142$

$$F_A = A \left[\frac{(1+i)^n-1}{i}\right]$$

$$= 6,000 [9.2142]$$

$$= 55,285.20$$

Jadi, F_A bagi bayaran tetap talian internet oleh Ibu Pejabat LHDN selama 8 tahun itu ialah **RM 55,285.20**.

Contoh 4-2 pula menunjukkan panduan pengiraan bagi mendapatkan nilai anuiti berdasarkan *Future Value* yang dilakukan secara manual dan menggunakan Jadual Faktor serta Jadual Kewangan.

Contoh 4-2: Pengiraan Anuiti (A) daripada Future Value

Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya dijangka perlu membayar sejumlah RM 420 juta kepada Selangor Lestari Sdn Bhd untuk Kerajaan mengambil alih sepenuhnya Jalan Bertingkat Pintasan Tg. Karang selepas 15 tahun. Pada kadar faedah 3% setiap tahun, berapakah anggaran dana anuiti yang perlu disediakan dan dilaburkan oleh Kerajaan dalam tempoh tersebut?

a) Pengiraan secara manual

$$\begin{aligned} A &= F_A \left[\frac{i}{(1+i)^n - 1} \right] \\ &= 420,000,000 \left[\frac{0.03}{(1+0.03)^{15} - 1} \right] \\ &= 22,581,963.79 \end{aligned}$$

Maka, Kerajaan perlu sedia melaburkan dana sebanyak **RM 22,581,963.79** setahun selama 15 tahun.

b) Pengiraan menggunakan Jadual Faktor

Berdasarkan penetapan kadar faedah sebanyak 3%, **Jadual Faktor 2** di **LAMPIRAN JKR.KKH.10** adalah dirujuk. Dengan mengetahui bilangan tahun, pekali $\left[\frac{i}{(1+i)^n - 1} \right]$ atau disebut sebagai **faktor A/F** boleh diperolehi daripada jadual berkenaan.

Merujuk pada jadual [$n = 15$], faktor A/F = 0.0538

$$\begin{aligned} A &= F_A \left[\frac{i}{(1+i)^n - 1} \right] \\ &= 420,000,000 [0.0538] = 22,596,000.00 \end{aligned}$$

Maka, Kerajaan perlu sedia melaburkan dana sebanyak **RM 22,596,000.00** setahun selama 15 tahun.

c) Pengiraan menggunakan Jadual Kewangan


Dengan mengetahui kadar faedah serta bilangan tahun, pekali $\left[\frac{i}{(1+i)^n - 1} \right]$ boleh diperolehi daripada **Jadual Kewangan 6: Annuity Payment Formula FV** di **LAMPIRAN JKR.KKH.11**.

Merujuk pada jadual [$i = 3\%$, $n = 15$], $\left[\frac{i}{(1+i)^n - 1} \right] = 0.0538$

$$\begin{aligned} A &= F_A \left[\frac{i}{(1+i)^n - 1} \right] \\ &= 420,000,000 [0.0538] = 22,596,000.00 \end{aligned}$$

Maka, Kerajaan perlu sedia melaburkan dana sebanyak **RM 22,596,000.00** setahun selama 15 tahun.

6.2.6 Pengiraan **Present Value (P)** bagi nilai **Anuiti (A)**:



Rajah 9: *Present Value (P_A)* bagi Anuiti

Formula *Present Value (P)* bagi nilai Anuiti (A) adalah dipermudahkan seperti berikut:

$$P = A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right] \quad \dots (7)$$

menjadi $\frac{P}{A} = \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right] \quad \dots (8)$

di mana,

- P : Nilai Masa Kini (*Present Value*)
- A : Kos Anuiti
- i : Kadar Diskaun
- n : Bilangan Tahun

Contoh 5-1 menunjukkan panduan pengiraan *Present Value* bagi Anuiti yang dilakukan secara manual dan menggunakan Jadual Faktor serta Jadual Kewangan

Contoh 5-1: Pengiraan Present Value (P_A) bagi Nilai Anuiti

Sebuah kenderaan memerlukan kos penyenggaraan sebanyak RM 3,000.00 setiap tahun. Jangka hayat berguna bagi kenderaan tersebut ialah 10 tahun. Dengan kadar diskaun sebanyak 3% setahun, kira *Present Value* bagi kos penyenggaraan kenderaan tersebut.

a) Pengiraan secara manual

Menggunakan formula *Present Value* bagi anuiti,

$$\begin{aligned}P_A &= A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right] \\ &= 3,000 \left[\frac{(1+0.03)^{10} - 1}{0.03(1+0.03)^{10}} \right] \\ &= 25,590.61\end{aligned}$$

Jadi, P_A bagi kos penyenggaraan kenderaan itu ialah **RM 25,590.61**.

b) Pengiraan menggunakan Jadual Faktor

Berdasarkan penetapan kadar faedah sebanyak 3%, **Jadual Faktor 2** di **LAMPIRAN JKR.KKH.10** adalah dirujuk. Dengan mengetahui bilangan tahun, pekali $\left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right]$ atau disebut sebagai **faktor P/A** boleh diperolehi daripada jadual berkenaan.

Merujuk pada jadual [$n=10$], faktor P/A = 8.5302

$$\begin{aligned}P_A &= A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right] \\ &= 3,000 [8.5302] = 25,590.60\end{aligned}$$

Jadi, P_A bagi kos penyenggaraan kenderaan itu ialah **RM 25,590.60**.

c) Pengiraan menggunakan Jadual Kewangan

Dengan mengetahui kadar faedah serta bilangan tahun, pekali $\left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right]$ boleh diperolehi daripada **Jadual Kewangan 2: Jadual *Present Value Annuity*** di **LAMPIRAN JKR.KKH.11**.

Merujuk pada jadual [$i = 3\%$, $n = 10$], $\left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right] = 8.5302$

$$\begin{aligned} P_A &= A \left[\frac{(1+i)^n - 1}{i(1+i)^n} \right] \\ &= 3,000 [8.5302] = 25,590.60 \end{aligned}$$

Jadi, P_A bagi kos penyenggaraan kenderaan itu ialah **RM 25,590.60**.

Manakala, **contoh 5-2** pula menunjukkan panduan pengiraan bagi mendapatkan nilai anuiti berdasarkan *Present Value* yang dilakukan secara manual dan menggunakan Jadual Faktor serta Jadual Kewangan.

Contoh 5-2: Pengiraan Anuiti (A) daripada *Present Value*

Sebuah kompleks bangunan Kerajaan telah diberikan peruntukan kos operasi dan penyenggaraan secara pukal (*lump sum*) sebanyak RM 2,000,000.00 bagi tempoh 5 tahun. Dengan kadar faedah tahunan sebanyak 5%. Kira jumlah peruntukan yang perlu dibelanjakan setiap tahun.

a) Pengiraan secara manual

Daripada formula *Present Value* bagi anuiti,

$$\begin{aligned}
A &= P_A \left[\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1} \right] \\
&= 2,000,000 \left[\frac{0.05(1+0.05)^5}{(1+0.05)^5 - 1} \right] \\
&= 461,949.60
\end{aligned}$$

Jadi anggaran perbelanjaan tahunan adalah sebanyak **RM 461,949.60**.

b) Pengiraan menggunakan Jadual Faktor

Berdasarkan penetapan kadar faedah sebanyak 5%, **Jadual Faktor 4** di **LAMPIRAN JKR.KKH.10** adalah dirujuk. Dengan mengetahui bilangan tahun, pekali $\left[\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1} \right]$ atau disebut sebagai **faktor A/P** boleh diperolehi daripada jadual berkenaan.

Merujuk pada jadual [$n = 5$], faktor A/P = 0.2310

$$\begin{aligned}
A &= P_A \left[\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1} \right] \\
&= 2,000,000 [0.2310] \\
&= 462,000.00
\end{aligned}$$

Jadi anggaran perbelanjaan tahunan adalah sebanyak **RM 462,000.00**.

c) Pengiraan menggunakan Jadual Kewangan

Dengan mengetahui kadar faedah serta bilangan tahun, pekali $\left[\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1} \right]$ boleh diperolehi daripada **Jadual Kewangan 3: Jadual Annuity Payment Formula PV** di **LAMPIRAN JKR.KKH.11**.

$$\text{Merujuk pada jadual } [i = 5\%, n = 5], \left[\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1} \right] = 0.2310$$

$$\begin{aligned} A &= P_A \left[\frac{i(1+i)^n}{(1+i)^n - 1} \right] \\ &= 2,000,000 [0.2310] \\ &= 462,000.00 \end{aligned}$$

Jadi anggaran perbelanjaan tahunan adalah sebanyak **RM 462,000.00**.

6.3 Pemboleh Ubah

Berdasarkan formula dan teknik pengiraan KKH yang dinyatakan sebelum ini, terdapat beberapa pemboleh ubah utama yang mungkin merupakan keputusan yang perlu dibuat oleh pelanggan atau ditentukan oleh penganalisis sendiri:

- Tempoh analisis (biasanya diputuskan oleh pelanggan).
- Kadar diskaun.
- Kitaran atau selang masa antara aktiviti penyenggaraan (biasanya berdasarkan analisis trend).
- Kadar unit untuk kerja yang akan dilakukan (biasanya berdasarkan analisis trend).

6.4 Tempoh Analisis (*M*) dalam Pengiraan KKH

Tempoh analisis (*M*) dalam KKH adalah sebaiknya ditentukan oleh pemilik aset. Ia mungkin merupakan jangka hayat berguna bangunan, tempoh konsesi, jangka masa sewaan, atau sehingga masa yang ditetapkan untuk pelaksanaan PPUN yang pertama, dll.

Jangka hayat sesuatu aset adalah ditentukan oleh beberapa faktor, termasuklah betapa mahalny a aset/sistem/komponen perlu diganti, betapa pentingnya aset itu kepada agensi dalam penyampaian perkhidmatan dan tahap kebolehpercayaan keseluruhan aset.

Garis panduan ini mengguna pakai beberapa istilah dalam menentukan jangka masa di mana bangunan itu memenuhi keperluan/ fungsi tertentu yang dapat digambarkan sebagai:

a) **Jangka Hayat Reka Bentuk (JHR)**

Jangkaan tempoh sesuatu aset berupaya berfungsi dengan selamat mengikut spesifikasi teknikal yang ditetapkan dengan mengambil kira parameter tertentu termasuklah kebarangkalian persekitaran dan penggunaan yang boleh diterima tanpa memerlukan penggantian dan pembaikan yang besar.

b) **Jangka Hayat Berguna (JHB)**

Jangkaan tempoh sesuatu aset atau komponen atau sistem atau teknologi atau bahan dapat berfungsi dalam memberi tahap perkhidmatan/prestasi yang ditetapkan oleh pemilik aset.

c) **Jangka Hayat Ekonomik (JHE)**

Jangkaan tempoh sesuatu aset yang mana mempunyai nilai ekonomi lebih besar daripada kos operasi dan penyenggaraan, atau kos terendah sebagai alternatif untuk memenuhi keperluan tertentu.

d) **Jangka Hayat Maksimum (JHM)**

Tempoh aset atau mana-mana bahagiannya dari mula ia siap dan diterima atau diguna hingga:

- waktu akhir hayat perkhidmatannya, atau
- ia tidak boleh dibaiki lagi, atau

- keruntuhan fizikal mungkin berlaku, atau
- berlaku kegagalan atau keusangan yang berpunca antaranya daripada aspek fizikal, ekonomi, kefungisian, teknologi, sosial, perundangan/peraturan dan/atau trend semasa.

Walau bagaimanapun, tempoh analisis KKH yang ditentukan boleh ditetapkan kurang daripada jangka hayat yang dinyatakan di atas bergantung kepada persetujuan oleh pemilik aset. Apabila tempoh semakin panjang, ketidakpastian anggaran ini juga semakin meningkat kerana kepelbagaian andaian serta faktor yang perlu dibuat dan dipertimbangkan. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan ialah kesan keusangan dan kemerosotan aset. Keusangan dan kemerosotan boleh memberi impak dan mempengaruhi keputusan dalam penentuan tempoh analisis (N) dalam pengiraan KKH.


Keusangan ialah pengurangan ketara dalam kegunaan sesuatu aset. Keusangan boleh berlaku apabila terdapat alternatif yang lebih murah di pasaran, atau adanya pilihan untuk berubah mengikut trend, teknologi atau keperluan terkini.

Kemerosotan pula berlaku apabila aset/sistem/komponen telah mencapai usia di mana kecekapan serta produktivitinya berkurangan dengan ketara hingga ia tidak lagi ekonomik serta perlu dilupuskan.

6.5 Tarikh Asas Pengiraan

Tarikh asas pengiraan (*base date*) yang disyorkan adalah pada waktu pemilik menerima dan mula menggunakan aset atau komponen. Semua kos atau perbelanjaan yang berlaku sebelum dan sehingga tarikh tersebut boleh dijumlah dan dianggap sebagai kos pemerolehan atau perbelanjaan modal (*capital expenditures – CAPEX*).

Kos atau perbelanjaan yang dijangka untuk tahun-tahun berikutnya perlu didiskaunkan untuk menggambarkan nilai masa wang. Dalam hal ini, tarikh asas pengiraan dan tempoh analisis mestilah sama/tetap dalam pengiraan KKH bagi kesemua alternatif yang dibandingkan. Konsep ini digambarkan secara am dalam **Rajah 10**.



Rajah 10: Analisis KKH bagi suatu aset dari Fasa Perancangan hingga Fasa Pelupusan.

6.6 Kos Nyata dan Kos Nominal

Anggaran kos perlu relevan bagi tujuan pengiraan KKH. Anggaran dan analisis adalah lebih mudah apabila perubahan teknologi yang pesat dan kesan inflasi diabaikan. Walau bagaimanapun, anggaran aliran tunai dan perbelanjaan tersebut yang diselaraskan berdasarkan nilai masa wang boleh disemak semula serta dikemas kini secara sistematik dari masa ke masa untuk menjadikannya lebih tepat dan dipercayai.

Analisis KKH biasanya menggunakan kos nyata semasa analisis dibuat atau pada tarikh asas pengiraan. Kadar inflasi pada kebiasaannya dianggap berlaku secara rata ke atas semua kos. Sekiranya kadar diskaun nyata digunakan (seperti yang disarankan oleh BS ISO 15686-5), maka kadar diskaun yang digunakan untuk membawa kos masa

depan ke masa kini adalah tidak termasuk perbezaan inflasi secara langsung.

Kos nyata adalah kos semasa pada tarikh asas pengiraan. Kos ini boleh dipertimbangkan dalam dua (2) bahagian, iaitu:

- Kos pemerolehan/modal (semua kos berkaitan yang dibelanjakan sebelum tarikh asas pengiraan).
- Kos penggunaan (semua kos berkaitan yang dibelanjakan selepas tarikh asas pengiraan sehingga akhir tempoh analisis KKH).

Sekiranya kos nominal digunakan, contohnya bagi projek yang dibiayai oleh institusi kewangan atau pemaju PPP, ia akan diselaraskan dengan inflasi dan anggaran kecekapan atau perubahan teknologi. Ini boleh menambahkan kesan terhadap ketidakpastian ke dalam unjuran kewangan. Oleh itu, adalah baik untuk mempertimbangkan dan menunjukkannya secara eksplisit dalam analisis kepekaan.

6.7 Nilai Masa Wang, Pendiskaunan dan Inflasi

Nilai masa wang ialah konsep di mana sejumlah wang yang ada di tangan hari ini adalah lebih bernilai daripada sejumlah wang yang dijangka diterima pada masa depan. Ia merujuk kepada pelaburan dan perubahan harga dari masa ke masa. Nilai pelaburan secara amnya meningkat dengan kadar (peratusan) pulangan tertentu.

Pendiskaunan ialah proses pengurangan nilai yang dilakukan untuk menjadikan semua kos masa depan dapat disetarakan pada tarikh asas pengiraan. Proses ini dapat dilakukan dengan dua (2) cara, iaitu:

- Nilai setara tahunan (*annual equivalent*).
- Nilai kini.

Penjumlahan kos pemerolehan dan kos pemilikan ke nilai yang setara pada tarikh asas pengiraan membolehkan perbandingan secara langsung dibuat antara alternatif-alternatif atau tender-tender yang mempunyai prestasi yang serupa (atau boleh diterima) tetapi mempunyai kos pemerolehan dan profil perbelanjaan kos pemilikan yang berbeza-beza.

Kadar (peratusan) pengurangan yang digunakan dalam KKH untuk membawa kos masa depan ke nilai kini adalah disebut sebagai **kadar diskaun**.

Inflasi bermaksud suatu kenaikan dalam tingkat harga umum barangan dan perkhidmatan dalam sesebuah ekonomi dari semasa ke semasa. Dengan peningkatan tingkat harga umum, setiap unit mata wang cuma dapat membeli barangan dan perkhidmatan dalam jumlah yang kurang daripada sebelumnya. Oleh itu, inflasi juga mencerminkan penurunan dalam kuasa beli wang iaitu satu kehilangan nilai sebenar dalam medium pertukaran dalaman dan unit akaun dalam sesebuah ekonomi. Satu ukuran utama bagi inflasi harga adalah kadar inflasi iaitu perubahan peratusan tahunan di dalam sesuatu indeks harga umum dari semasa ke semasa.

7.0 PELAKSANAAN

7.1 Penggunaan Tipikal Pendekatan Kos Kitaran Hayat

KKH boleh digunakan pada mana-mana peringkat yang berlainan dalam kitaran hayat aset, sepertimana berikut:

- **Semasa peringkat perancangan pembangunan.**

Pengiraan dan analisis KKH digunakan untuk memberikan ramalan ekonomik mengenai keseluruhan kos sesuatu aset atau projek, yang

membolehkan pelanggan atau pemilik aset membuat keputusan yang tepat mengenai aset atau projek mana yang berimpak tinggi, lestari dan mewakili nilai terbaik.

- **Semasa peringkat awal perancangan konsep.**

KKH digunakan sebagai sebahagian daripada proses penilaian strategik untuk menentukan pemilihan elemen asas atau mengira kos elemen yang penting seperti struktur, bahan, sistem/komponen mekanikal dan elektrik, utiliti dan lain-lain.

- **Semasa peringkat reka bentuk terperinci.**

Untuk menilai dan memilih alternatif reka bentuk terperinci daripada perspektif kos, kebolehsenggaraan dan prestasi kitaran hayat seterusnya mengoptimumkan perancangan KKH.

- **Semasa peringkat perolehan.**

Untuk membandingkan daya saing sebarang tawaran dan menguji kemampuan pemerolehan aset (atau kebolehlaksanaan projek).

- **Semasa peringkat pembinaan dan penyerahan.**

Untuk mengawal sebarang perubahan atau pengubahsuaian semasa pembinaan atas reka bentuk, sistem atau komponen berdasarkan perancangan KKH asal yang telah dipersetujui.

- **Semasa peringkat penggunaan aset.**

Untuk memberi penilaian terperinci mengenai KKH bagi keseluruhan aset atau mana-mana bahagiannya sepanjang tempoh ia diterima, dioperasi, disenggara, dibaik pulih, dipulihara, diubah suai dan/atau dinaik taraf. Contohnya: kajian bagi kerja pembaikan berbanding penggantian baharu suatu komponen.

- **Pada peringkat akhir hayat aset.**

Pada akhir hayat berguna, atau akhir tempoh sewaan. Contohnya: kajian untuk meneruskan sewaan di bangunan sama (dengan atau tanpa PPUN) atau menyewa di bangunan baharu yang lain (dengan PPUN).

7.2 Tahap Anggaran

Analisis KKH sebaiknya dibuat semasa perancangan pemerolehan aset untuk membanding dan memilih antara dua (2) atau lebih alternatif aset. Antara alternatif tersebut ialah membina baharu, memasang baharu, membeli aset siap sedia ada atau menaik taraf aset lama.

Sekiranya pewujudan aset adalah secara bina baharu, aplikasi KKH biasanya berlaku semasa peringkat perancangan dan reka bentuk (atau pasca pembinaan) untuk menentukan sama ada konsep pembangunan atau spesifikasi atau skop kerja alternatif adalah bermanfaat dari sudut kewangan.

Aplikasi KKH juga boleh berlaku semasa fasa penggunaan apabila aset hendak digantikan, diubah suai atau dinaik taraf. Pengurus aset boleh menggantikan aset sama ada dengan mengekalkan spesifikasi asal atau mempertimbangkan alternatif yang mempunyai spesifikasi yang berlainan. Pertimbangan semasa pelupusan aset pula sebaiknya dengan memilih kaedah yang memberi hasil pulangan terbaik.

Pengiraan KKH boleh dibuat dengan merangkumkan analisis ke atas keseluruhan aset atau analisis secara berasingan bagi mana-mana bahagian aset seperti sistem atau komponen kecil tertentu.

Komponen

Produk tunggal, contohnya: lampu, paip, bata, jubin, dll.

Sistem

Sebilangan komponen diskrit yang disesuaikan dan digabungkan untuk membentuk suatu sistem, contohnya: pemampat, pemeluwap, peranti pementeran, penyejat, dan lain-lain digabungkan untuk membentuk sistem penyaman udara.

Elemen

Elemen didefinisikan sebagai bahagian terbina yang mempunyai fungsi yang sama tanpa mengira komponen/bahan dari mana atau bagaimana ia dibuat, contohnya: dinding luaran.

Bangunan/Ruang/Jajaran

Biasanya mempertimbangkan alternatif untuk sesebuah bangunan atau ruang atau jajaran jalan tertentu, contohnya: kajian bagi alternatif membina baharu bangunan berbanding dengan pemuliharaan/pemuliharaan/ubah suai/naik taraf (PPUN) bangunan sedia ada, yang mungkin juga melibatkan pertimbangan lebih daripada satu tapak/lokasi.

Premis

Biasanya mempertimbangkan alternatif pembangunan baharu atau pemerolehan beberapa bangunan, infrastruktur, dll. dalam suatu kawasan atau jarak yang ditetapkan. Lokasi sedia ada juga harus dipertimbangkan sebagai salah satu alternatif, iaitu pilihan untuk kekal di situ sama ada dengan atau tanpa melaksanakan PPUN.

7.3 Maklumat dan Sumber Data

Penyelarasan pelaksanaan KKH yang baik membolehkan ia menjadi rujukan standard untuk difahami oleh pemilik aset dan pegawai profesional, serta memudahkan perbandingan dan penandaarasan antara projek-projek atau produk-produk yang serupa. Skop bagi kos-

kos yang diambil kira pula hendaklah jelas, dan dipersetujui oleh pemilik aset.

Kos adalah data yang paling utama untuk pengiraan KKH. Merujuk kembali roda KKH aset pada **Rajah 2** di **Seksyen 5.2**, pengiraan KKH adalah merangkumi kos dalam kategori-kategori berikut:

- i. Kos Perancangan
- ii. Kos Reka Bentuk
- iii. Kos Pembinaan
- iv. Kos Operasi
- v. Kos Penyenggaraan
- vi. Kos PPUN
- vii. Kos Pelupusan

Di samping kos, maklumat penting lain yang diperlukan untuk melengkapkan pengiraan KKH ialah seperti berikut:

- i. Jangka hayat aset/sistem/komponen
- ii. Jadual atau kekerapan penyenggaraan/penggantian
- iii. Kadar diskaun/faedah

Perincian dan pencarian mengenai data yang tersebut di atas akan diterangkan di **Seksyen 7.4**.

Kesukaran mendapatkan data yang boleh dipercayai, mudah dan relevan untuk digunakan dalam analisis KKH pada tahap perincian yang berbeza adalah diakui menjadi suatu cabaran biasa dalam melaksanakan pengiraan KKH yang baik. Kesukaran ini dapat diatasi dengan memahami dan mengeksploitasi sebaiknya jenis, ciri-ciri dan variasi pada set data. Terdapat empat (4) klasifikasi data KKH:

7.3.1 Data tidak berstruktur:

Pengurus aset atau pengurus fasiliti, dan lain-lain yang tugasnya menguruskan sesuatu aset adalah pihak yang berada dalam kedudukan terbaik untuk merekodkan data. Sekiranya direkodkan dengan betul, ia adalah sumber data KKH yang baik.

Di samping itu, jabatan/bahagian kewangan juga mempunyai semua data kos termasuklah kos penggunaan tenaga atau utiliti. Walaupun data-data tersebut berkemungkinan bukan dalam bentuk yang mudah digunakan untuk pengiraan KKH, ia tidak boleh diabaikan.

7.3.2 Data berstruktur:

Data berstruktur adalah data yang telah diselaraskan atau diformat untuk memudahkan carian (dalam pangkalan data) seterusnya boleh dirujuk dan digunakan dalam pengiraan KKH. Antara contoh-contoh data berstruktur yang diterbitkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia ialah:

- i. **Kos Purata Semeter Persegi Kerja-kerja Pembinaan Bangunan** (diterbitkan dua kali setahun), oleh Cawangan Kontrak & Ukur Bahan (CKUB).
- ii. **Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan** (diterbitkan setiap tahun), oleh Cawangan Kontrak & Ukur Bahan (CKUB).
- iii. **Panduan Maklumat Kos Binaan JKR** (diterbitkan dua kali setahun), oleh Cawangan Kontrak & Ukur Bahan (CKUB).

Di samping itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia juga menerbitkan dokumen rujukan atau panduan berkenaan jangka hayat dan jadual kekerapan penyenggaraan seperti berikut:

- i. **Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan** oleh Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB).
- ii. **Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan** oleh Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB).

7.3.3 Data daripada pemodelan:

Teknik pemodelan akan menghasilkan pengiraan ramalan. Teknik ini memerlukan pendekatan berbentuk penyelidikan & pembangunan yang bersistematik dan berperingkat, iaitu:


- i. Menentukan dengan tepat aktiviti yang akan dimodelkan.
- ii. Melukis carta alir aktiviti.
- iii. Mengekstrak logik model serta pemboleh ubah dan formula diskrit daripada carta alir.
- iv. Menulis program yang mencerminkan logik dan formula.
- v. Menjalankan program, memasukkan nilai pemboleh ubah.
- vi. Meneliti hasilnya. Sekiranya perlu, jalankan program berulang kali dengan nilai pemboleh ubah yang berbeza bagi menguji kepekaannya.

7.3.4 Data daripada pengeluar, pembekal dan kontraktor pakar:

Secara logiknya, sumber data yang terbaik untuk sistem dan komponen, adalah data daripada pengeluar, pembekal dan kontraktor pakar. Walau bagaimanapun, kualiti data mungkin terjejas dengan kaveat yang bertujuan untuk mengehendkan liabiliti.

7.4 Asas Analisis KKH

Langkah-langkah asas analisis KKH adalah sebagaimana yang diringkaskan pada **Rajah 11**.



Rajah 11: Enam (6) langkah asas bagi analisis KKH.
(Untuk Kes Asas dan Perbandingan Alternatif)

7.4.1 Menentukan objektif dan skop analisis dengan jelas:

- **Menentukan objektif analisis** Kos Kitaran Hayat (KKH) dijalankan, contohnya:

“Mendapatkan anggaran kos kitaran hayat selama 30 tahun bagi bangunan ABC untuk dijadikan sebagai Kes Asas KKH”.

“Memilih alternatif aset baharu dengan kos kitaran hayat aset selama 20 tahun yang paling minimum”.

“Memilih alternatif sistem/komponen dengan kos kitaran hayat yang paling minimum dari Januari 2023 hingga Disember 2032”.

- **Mengenal pasti dan menetapkan skop analisis KKH** tersebut dari segi aset-aset yang dikaji, jangka masa yang dikira, fasa kitaran hayat yang diambil kira, tahap anggaran atau ruang lingkup elemen-elemen kos yang dipilih, lokasi dan lain-lain lagi.

7.4.2 Mengenal pasti tawaran/pilihan/alternatif yang memenuhi kriteria serta fungsi yang dikehendaki:

- Menentukan dan mempertimbangkan dua (2) atau lebih alternatif aset/komponen/produk/reka bentuk yang berpotensi memberi nilai terbaik kepada pemilik/pelanggan/pengguna.
- Atribut yang boleh dipertimbangkan dalam menentukan alternatif-alternatif untuk penilaian/analisis KKH adalah seperti pada **Jadual 2** yang berikut:

Jadual 2: Alternatif-alternatif aset/komponen/reka bentuk untuk dipertimbangkan dalam analisis KKH.

Aset	Atribut Alternatif
Bangunan	<ul style="list-style-type: none">• Membina bangunan baharu di lokasi baharu.• Meroboh bangunan sedia ada dan membina bangunan baharu di lokasi sama.

Aset	Atribut Alternatif
	<ul style="list-style-type: none"> • Membina/menaik taraf bangunan dengan pemasangan sistem tertentu. • Membina/menaik taraf bangunan tanpa pemasangan sebarang sistem. • Membaik pulih atau menaik taraf bangunan sedia ada. • Membeli dan mengubah suai bangunan siap bina. • Menyewa dan mengubah suai bangunan siap bina.
Jalan Raya/ Lebuh Raya	<ul style="list-style-type: none"> • Membina jajaran jalan raya/lebuhraya yang baharu. • Membaik pulih dan mengekalkan jalan raya/lebuhraya sedia ada sepertimana asalnya. • Menaik taraf jalan raya/lebuhraya sedia ada.
Reka Bentuk	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk kebolehsenggaraan yang optimum. • Reka bentuk kebolehsenggaraan yang minimum. • Reka bentuk dengan ciri-ciri lestari/hijau. • Reka bentuk konvensional.
Sistem	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem berteknologi terkini dengan kecanggihan seperti automasi, penggunaan tenaga yang minimum, dll. • Sistem berteknologi tradisional atau konvensional. • Membaik pulih atau mengekalkan sistem sedia ada. • Menggantikan atau menaik taraf sistem sedia ada.
Komponen/ Produk Tunggal	<ul style="list-style-type: none"> • Komponen/produk atau bahan binaan terkini yang lebih efisien, tahan lama di samping penyelenggaraan yang minimum. • Komponen/produk atau bahan binaan tradisional atau konvensional. • Membaik pulih atau mengekalkan komponen/produk sedia ada. • Menggantikan komponen/produk sedia ada dengan komponen/produk yang sama jenama, jenis dan spesifikasi.

7.4.3 Menentukan parameter tetap (tempoh, kadar faedah/diskaun, dll.) dan menentukan model analisis:

- **Menetapkan tempoh analisis KKH:**

Penggunaan tempoh analisis yang sangat panjang (melebihi 30 tahun) akan memerlukan pertimbangan yang lebih teliti dan terperinci kerana perlu mengambil kira kesan perubahan teknologi, komersial dan undang-undang sebagaimana yang dijelaskan dalam **Seksyen 6.4**. Tempoh analisis KKH yang dicadangkan adalah seperti pada **Jadual 3** yang berikut:

Jadual 3: Cadangan tempoh analisis KKH mengikut jenis aset.

Alternatif/Aset	Tempoh Analisis KKH
Bangunan	30 tahun
Jalan/Infrastruktur	20 & 30 tahun
Sistem	15 tahun
Komponen/Produk Tunggal	10 tahun

- **Menetapkan kadar diskaun/faedah:**

Kadar diskaun/faedah kerajaan yang terkini boleh dirujuk kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Selain itu, kadar diskaun/faedah semasa juga boleh diperolehi daripada Bank Negara Malaysia atau mana-mana institusi kewangan yang sah. Kadar diskaun boleh ditentukan dengan purata pengiraan bagi tempoh lima (5) tahun terkini.

- **Nilai pekali:**

Nilai pekali hanya diperlukan bagi teknik/praktis pengiraan yang menggunakan sama ada Jadual Faktor (**LAMPIRAN JKR.KKH.10**) atau Jadual Kewangan bagi Nilai Masa Wang (**LAMPIRAN JKR.KKH.11**). Nilai pekali boleh dicari daripada jadual-jadual yang

dimaksudkan dengan menetapkan kadar diskaun atau kadar faedah serta tempoh analisis (bilangan tahun) sebagaimana yang diterangkan di **Seksyen 6.2**.

7.4.4 Mengenal pasti dan mengumpulkan data kos-kos yang akan dipertimbangkan dalam analisis/pengiraan:

- Kos-kos yang boleh diambil kira untuk pengiraan KKH adalah seperti yang disenaraikan pada **Jadual 4**.
- Kos-kos yang diambil kira dan kekerapannya hendaklah pada nilai/kadar tahunan (dijumlahkan untuk setahun).

Jadual 4: Kos-kos tipikal yang diambil kira untuk analisis KKH.

Item	Kategori Kos	Elemen Kos
i	Kos Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kos kajian kebolehlaksanaan projek • Kos kajian impak ke atas alam sekitar • Kos pengurusan • Kos Makmal Pengurusan Nilai (<i>Value Management Lab</i>) • Kos penyelidikan & pembangunan (<i>research & development</i>)
ii	Kos Reka Bentuk	<ul style="list-style-type: none"> • Kos siasatan tapak (tanah/keadaan/limitasi/dll.) • Kos kajian keperluan fungsi • Kos perunding merangkumi fi profesional, elaun, dll. • Gaji/upah pasukan reka bentuk (pasukan HODT)
iii	Kos Pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> • Kos perolehan (dokumen tender, pengiklanan, dll.) • Kos penyediaan tapak (termasuk apa-apa kos permit, duti setem, dll. – bukan kos pengambilan balik tanah)

Item	Kategori Kos	Elemen Kos
		<ul style="list-style-type: none"> • Kos pembinaan bangunan dan infrastruktur merangkumi kos perubahan kerja (<i>variation order</i>, VO) • Kos pembelian dan pemasangan sistem/komponen. • Kos pengurusan kualiti • Kos pengurusan kesihatan dan keselamatan • Kos pengurusan alam sekitar • Kos pemeriksaan, pengujian kefungsiian dan pentauliahan • Kos pelabelan • Kos penyediaan dan pencetakan lukisan siap bina, manual operasi & penyenggaraan, dll.
iv	Kos Operasi	<p>Kos Operasi adalah semua kos yang dibelanjakan untuk menjalankan dan menguruskan sesebuah fasiliti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos pengurusan dan pentadbiran am unit/pasukan pengurusan fasiliti • Kos perkhidmatan pembersihan • Kos perkhidmatan kawalan serangga/haiwan perosak • Kos perkhidmatan kawalan keselamatan • Kos pengurusan sisa berjadual • Kos penyewaan mesin/jentera • Kos sewa (sekiranya aset disewa) • Kos utiliti seperti bekalan tenaga elektrik dan air. • Kos perkhidmatan penyenggaraan Teknologi Maklumat (<i>Information Technology</i>, IT). • Kos insurans/cukai/dll. • Kos latihan

Item	Kategori Kos	Elemen Kos
v	Kos Penyelenggaraan	<p>Kos Penyelenggaraan adalah semua kos yang dibelanjakan untuk memastikan prestasi dan fungsi aset berada pada tahap baik secara berterusan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos penyelenggaraan rutin • Kos penyelenggaraan pencegahan dan penggantian sistem/komponen secara berkala atau berjadual • Kos pembaikan komponen dan alat gantinya • Kos penggantian komponen yang tidak berjadual (penyelenggaraan reaktif) • Kos pemeriksaan dan penilaian aset/sistem/komponen • Kos buruh dan upah bagi kerja penyelenggaraan/penggantian/pembaikan
